

17 NOV 1999

ABANG JOHARI TIDAK BERJUMPA DR MAHATHIR SEMALAM

KUCHING, 17 Nov (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Datuk Abang Johari Tun Openg hari ini menafikan bahawa beliau menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

"Saya tidak berjumpa dengan Dr Mahathir semalam dan menjalankan tugas di Sarawak," katanya kepada Bernama di sini.

Abang Johari, yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri, berkata Perdana Menteri juga tidak ada memanggil beliau ke Kuala Lumpur.

Bernama melaporkan semalam bahawa Abang Johari turut menemui Dr Mahathir di Putrajaya bagi membincangkan persiapan pilihan raya.

-- BERNAMA

MT AKD